

# Maulidur Rasul wadah perkukuh asas perpaduan warga UMS

UB 17.10.2023 P.04

**KOTAKINABALU:** Sambutan Maulidur Rasul peringkat Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini mampu menjadi wadah terbaik memperkukuh asas perpaduan warga universiti.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Kasim Hj. Mansor berkata, ini kerana sambutan itu diraikan bagi memperingati kelahiran Nabi Muhammad s.a.w dan sirah kehidupan Baginda, termasuklah sejarah Piagam Madinah yang menjadi dasar bagi masyarakat Madinah pada masa pemerintahan Rasulullah.

“Sukacita saya ingin mengajak seluruh warga UMS untuk sama-sama menghayati inti pati terkandung dalam

Piagam Madinah, iaitu suatu bentuk Perlembagaan Negara Islam Madinah yang mencerminkan prinsip-prinsip inklusif, setia bersama, dan keadilan.

“Piagam Madinah merupakan salah satu tonggak penting dalam sejarah awal Islam dan menunjukkan bagaimana masyarakat Islam dan bukan Islam dapat hidup bersama dalam sebuah kerangka yang adil dan harmoni,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan sempena sambutan tersebut di Pusat Islam, UMS baru-baru ini.

Kasim turut menzahirkan



**PRIHATIN:** Kasim bersama pegawai-pegawai utama UMS melancarkan Tabung Solidariti Palestin.

harapan agar program serupa itu menjadi platform dalam mengukuhkan asas perpaduan yang telah lama dibina dalam kalangan warga UMS.

“Sesungguhnya ini mampu memangkin hubungan lebih erat sesama kita warga UMS yang cintakan perpaduan, keharmonian dan kesejahteraan selaras dengan slogan “Leading Towards Innovative Societies”,” katanya.

Dalam perkembangan lain, Kasim turut memaklumkan UMS melalui Pusat Islam telah dilantik sebagai Ejen Pungutan dan Agihan Zakat bagi Majlis

Ugama Islam Sabah dan Ejen Kutipan Zakat serta Wakalah daripada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Terdahulu, sejumlah 29 kontinjen dari pelbagai Jabatan, Akademi, Fakulti, Pusat, Institut dan Bahagian berhimpun di Dataran Dewan Canselor sebelum berarak menuju ke Pusat Islam.

Pada tahun ini, kontinjen Jabatan Bendahari mengekalkan kemenangan yang diraih tahun lalu apabila dinobatkan sebagai johan pertandingan Kontinjen Terbaik, sekali gus membawa pulang hadiah wang berjumlah RM1,000.

Tempat kedua dimenangi kontinjen Jabatan Canselor, manakala kontinjen dari Pejabat Canselor meraih tempat ketiga.

Kedua-dua kontinjen masing-masing membawa pulang hadiah kemenangan berjumlah RM700 dan RM500 yang disampaikan Kasim.

Pada majlis yang sama, Kasim turut melancarkan Tabung Solidariti Palestin sebagai medium membolehkan warga universiti memberi sumbangan kepada bantuan kemanusiaan di Palestin yang kini berhadapan dengan konflik.